

**6 April 2015**

Kenyataan Media oleh Ir. Jaseni Maidinsa  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

## **Tarikh Pelaksanaan Tarif Air Tidak “Ditentukan Secara Khusus”**

PULAU PINANG, Isnin, 6/4/2015: Tarikh pelaksanaan Kajian Semula Tarif Air Pulau Pinang 2015 (PWTR 2015) pada 1 April 2015 ditentukan setelah memperolehi kelulusan dan pewartaannya daripada Kerajaan Persekutuan mengikut undang-undang Persekutuan.

Tarikh itu tidak “ditentukan secara khusus” oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kami ingin mengulangi bahawa PWTR 2015 adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Kerajaan Persekutuan, selaras dengan peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006)

Berikut adalah fakta-fakta dan kronologi peristiwa:

- Pada 30 Julai 2014, PBAPP telah mengemukakan secara rasmi cadangan kajian semula tarif air untuk kelulusan pihak berkuasa Persekutuan.
- Dalam surat bertarikh 13 Februari 2015, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memaklumkan yang Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah bersetuju agar pelaksanaan PWTR 2015 berkuatkuasa mulai 15 Februari 2015.
- Disebabkan notis yang singkat, kami tidak dapat melaksanakannya pada 15 Februari 2015 kerana kami perlu mematuhi protokol, prosedur serta persiapan yang sepatutnya. Sila maklum juga yang perayaan Tahun Baru Cina tahun ini jatuh pada 19 Februari 2015.
- Pada 19 Mac 2015, PBAPP telah membuat pengumuman awam untuk memaklumkan lebih awal kepada umum tarikh pelaksanaan bermula 1 April 2015.

Beberapa media *online* dan akhbar telah melaporkan dakwaan oleh Pemuda Umno Pulau Pinang yang tarikh pelaksanaan itu dibuat secara “berselindung”, “sorok-sorok” atau “curi-curi.” Dakwaan-dakwaan ini adalah mengelirukan, tidak benar dan tidak berasas.

PWTR 2015 dilakukan secara telus. Sebenarnya, PBAPP telah mengumumkan bahawa perlunya untuk tarif dikaji semula pada 15 April 2014, hampir setahun yang lalu.

Bagaimanapun, ia hanya boleh dilaksanakan pada 1 April 2015 selepas kelulusan dan pewartaan oleh Kerajaan Persekutuan pada 15 Februari 2015.

Tambahan pula, PWTR 2015 tidak boleh “dibandingkan” dengan GST yang memberi kesan terhadap 100% pengguna-pengguna Malaysia kerana:

- Kajian semula ini terutamanya adalah inisiatif pengurusan permintaan air untuk mengurangkan penggunaan air dan mengelak catuan ketika berlakunya perubahan iklim kini.
- 47.4% daripada isi rumah di Pulau Pinang tidak akan menerima kesan PWTR 2015 kerana caj minimum dan tarif penggunaan untuk *band* terendah (0 – 20,000 liter sebulan) tidak berubah.
- 27.9% daripada isi rumah di Pulau Pinang akan membayar maksimum RM0.60 lebih sebulan, dan tidak 6% lebih bagi setiap produk atau perkhidmatan yang dibeli.

Dengan itu, 75.3% daripada isi rumah di Pulau Pinang, yang menggunakan air kurang daripada 35,000 liter air sebulan, terus menikmati tarif domestik terendah di Malaysia.

Terima kasih.

Ir. Jaseni Maidinsa

Ketua Pegawai Eksekutif,  
PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

Dikeluarkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd  
Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-201 3231  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)